Available online at https://jcis.uitm.edu.my

e-ISSN: 0128-0902

Journal of Contemporary Islamic Studies 12(2) 2026

Journal of Contemporary Islamic Studies

Cabaran Kompetensi Ahli Jawatankuasa Fatwa dalam Pelaksanaan Ijtihad Kontemporari: Kajian di Jabatan Mufti Negeri Sembilan

(Challenges of Fatwa Committee Members' Competence in Implementing Contemporary Ijtihad: A Study at the Negeri Sembilan State Mufti Department)

Mohd Khir Johari Abas[1], Muhammad Firdaus Abdul Manaf[1*], Mohd Kamel Mat Salleh[2]

[1]*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Malaysia*
[2]*Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia*

ARTICLE INFO

Article history:
Received 22 January 2026
Revised 3 August 2026
Accepted 9 September 2026
Published 1 Ocotober 2026

Keywords:
Contemporary Ijtihad
Fatwa Committee Competency
Institutionalised Ijtihad

Katakunci:
Ijtihad Berinstitusi
Ijtihad Kontemporari
Kompetensi Ahli Jawatankuasa Fatwa

DOI:
https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.3

ABSTRACT

This study examines the competency challenges faced by Fatwa Committee members (*Ahli Jawatankuasa Fatwa*, AJKF) in implementing contemporary ijtihad through a case study at the Negeri Sembilan State Mufti Department (*Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan*, JMKNNS). Although contemporary ijtihad is frequently advanced in the fatwa literature as a practical necessity, existing discussions remain limited in conceptualising ijtihad as an institutional process governed by explicit competency standards, operational protocols, and robust quality-control mechanisms. This limitation sustains a persistent gap between theoretical frameworks and institutional practice, particularly amid technically complex issues and the rapid expansion of digital information. Adopting a qualitative approach, the study draws on semi-structured interviews with five AJKF members and an analysis of official documents, followed by thematic analysis and the strengthening of findings through source triangulation, participant checking, and a clear audit trail. The findings identify three major themes shaping competency challenges in JMKNNS: (i) modern technological literacy, (ii) digital data integrity, and (iii) constraints of traditional methodology within contemporary complexity. Analysis shows that these themes reinforce one another: gaps in technological literacy led to uneven reliance on digital sources; concerns over digital data integrity sustain manual verification practices without standardised institutional protocols; and methodological constraints become more pronounced when external expert input is required but is not systematically structured in terms of appraisal, integration, and argumentative documentation. Based on this synthesis, the study proposes the Institutionalised Ijtihad Process Model (*Model Proses Ijtihad Berinstitusi*, MPIB) as its principal contribution, framing ijtihad as an institutional system through a practitioner competency framework, operational controls (*dawabit*), digital-source verification protocols, standards for integrating expert input, and

[1*] Corresponding author. *E-mail address*: khrjohari@yahoo.com

©Authors, 2026

documentation requirements to make the fatwa-making process more consistent and assessable.

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis cabaran kompetensi Ahli Jawatankuasa Fatwa (AJKF) dalam pelaksanaan ijtihad kontemporari melalui kajian kes di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan (JMKNNS). Walaupun ijtihad kontemporari sering dikemukakan sebagai keperluan dalam literatur fatwa, perbincangan sedia ada masih terbatas dalam menghuraikan ijtihad sebagai proses institusi yang mempunyai piawaian kompetensi, protokol kerja, dan mekanisme kawalan kualiti yang jelas, sekali gus mengekalkan jurang antara kerangka teori dan realiti operasi institusi, khususnya ketika berdepan isu teknikal serta ledakan maklumat digital. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dengan lima orang AJKF dan analisis dokumen rasmi, diikuti analisis tematik serta pengukuhan kualiti dapatan melalui triangulasi, semakan peserta dan jejak audit. Dapatan kajian memperlihatkan tiga tema utama cabaran kompetensi AJKF dalam pelaksanaan ijtihad kontemporari di JMKNNS, iaitu (i) literasi teknologi moden, (ii) integriti data digital, dan (iii) kekangan metodologi tradisional dalam kompleksiti kontemporari. Analisis menunjukkan ketiga-tiga tema ini saling memacu; jurang literasi teknologi mendorong penggunaan sumber digital secara tidak seragam; keraguan terhadap integriti data digital mengekalkan keperluan verifikasi manual tanpa protokol piawai; manakala kekangan metodologi tradisional menjadi lebih ketara apabila input kepakaran luar diperlukan tetapi tidak distrukturkan dari segi penilaian, integrasi dan dokumentasi hujah. Berdasarkan sintesis dapatan, kajian ini mengemukakan Model Proses Ijtihad Berinstitusi (MPIB) sebagai sumbangan utama yang menstrukturkan ijtihad sebagai sistem institusi melalui kerangka kompetensi pelaksana, panduan kawalan operasional (*dawabit*), protokol verifikasi sumber digital, standard integrasi input pakar, serta keperluan dokumentasi bagi menjadikan proses pemfatwaan lebih konsisten dan boleh dinilai.

PENDAHULUAN

Institusi fatwa berfungsi sebagai autoriti utama dalam penentuan hukum Islam; namun, perubahan pesat dalam teknologi, struktur sosial dan corak komunikasi telah meletakkan institusi ini berdepan cabaran baharu yang semakin kompleks. Dalam konteks semasa, persoalan utama bukan lagi berlegar pada keperluan ijtihad kontemporari semata-mata, tetapi pada sejauh mana institusi fatwa memiliki kapasiti kompetensi dan reka bentuk sistem kerja yang memadai untuk melaksanakannya secara konsisten, telus, dan berkesan. Walaupun wacana ijtihad kontemporari berkembang luas dalam literatur, sebahagian besar perbahasan masih cenderung bersifat normatif dan teoretikal, sementara dimensi pelaksanaan pada aras institusi kurang diteroka.

Kekurangan kajian yang meneroka pengalaman sebenar aktor pelaksana, khususnya Ahli Jawatankuasa Fatwa (AJKF), mewujudkan jurang antara teori dan amalan dalam pengoperasian ijtihad kontemporari. Pada masa yang sama, transformasi digital memperkenalkan cabaran baharu berkaitan literasi teknologi, integriti dan kebolehpercayaan data, serta autoriti sumber digital. Faktor-faktor ini menuntut tahap kompetensi profesional yang lebih tinggi dan proses institusi yang lebih terpiawai. Berasaskan jurang ini, kajian ini menumpukan analisis cabaran kompetensi AJKF di Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (JMKNNS) sebagai kajian kes bagi memperincikan bagaimana cabaran tersebut membentuk proses pertimbangan hujah dan pembuatan keputusan hukum. Dengan itu, kajian ini berhasrat mengalihkan perbincangan ijtihad daripada wacana normatif semata-mata kepada

https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.3 ©Authors, 2026

pemahaman yang berasaskan realiti institusi, serta menegaskan keperluan memposisikan ijtihad kontemporari sebagai proses berinstitusi yang tersusun, boleh ditadbir urus, dan boleh dinilai.

Kajian berkaitan ijtihad kontemporari dalam pengeluaran fatwa di Malaysia masih didominasi oleh perbincangan pada aras konseptual dan normatif, khususnya dalam aspek *maqāṣid*, kerangka teori, struktur institusi dan cabaran semasa. Walaupun wacana ini menyumbang kepada pembangunan teori, beberapa kajian mengesahkan bahawa dimensi pelaksanaan ijtihad di peringkat institusi masih kurang diterokai (Yahya & Mokhtar, 2018; Hisan et al., 2018; Rosidi et al., 2021; Rosidi et al., 2022; Mohd Sabri, 2024; Zainudin et al., 2024). Akibatnya, masih wujud jurang ketara antara kerangka yang digariskan dengan realiti amalan AJKF, khususnya dari sudut kefahaman, kompetensi dan dinamika sebenar proses pemfatwaan. Jurang ini menjadikan keberkesanan institusi fatwa sukar dinilai secara objektif.

Walaupun Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Malaysia (2017) telah digubal untuk menyeragamkan proses pemfatwaan (JAKIM, 2017), pelaksanaannya di peringkat negeri didapati belum diuji secara sistematik dan masih tidak konsisten. Kajian-kajian yang menekankan keperluan proses pemfatwaan yang lebih sistematik dan ijtihad secara kolektif pula kebanyakannya terhenti pada tahap cadangan teoretikal tanpa disokong bukti lapangan tentang bagaimana dalil ditimbang, bagaimana perbincangan berlangsung, dan bagaimana keputusan sebenar dibentuk dalam mesyuarat AJKF (Ibrahim & Ab Rahman, 2022; Mohd Sabri, 2024). Dalam kajian isu-isu kontemporari pula, fokus lebih tertumpu kepada kandungan fatwa, bukan kepada mekanisme pembentukannya, sekali gus meninggalkan kekosongan besar dalam memahami proses epistemik di sebalik keputusan hukum (Baharudin et al., 2023; Musaddad et al., 2024; Abdullah et al., 2024).

Kekosongan ini menjadi lebih kritikal dalam konteks cabaran semasa seperti pendigitalan maklumat, isu autoriti sumber, dan perubahan ekspektasi masyarakat. Walaupun teknologi dan media baharu semakin diangkat sebagai keperluan institusi fatwa, tahap literasi digital AJKF, keupayaan menilai kebolehpercayaan data digital, dan kesediaan menyesuaikan kaedah kerja masih belum dinilai secara empirikal (Nazman & Wan Khairuldin, 2022; Rosidi, 2024; Wahid, 2024). Dalam konteks Negeri Sembilan, isu kelewatan pewartaan fatwa berimpak tinggi serta kecenderungan bergantung kepada pendekatan tradisional turut menimbulkan persoalan tentang tahap kesiapsiagaan institusi dalam melaksanakan ijtihad kontemporari secara berkesan (Raihan, 2024; Saifuddin et al., 2024). Oleh itu, keperluan terhadap kajian yang meneliti secara langsung kefahaman, amalan dan cabaran sebenar AJKF dalam pelaksanaan ijtihad kontemporari bukan lagi bersifat pilihan, tetapi suatu keperluan ilmiah yang mendesak.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cabaran kompetensi AJKF dalam pelaksanaan ijtihad kontemporari di JMKNNS, khususnya dalam konteks keupayaan institusi fatwa menanggapi perubahan realiti semasa yang semakin kompleks. Analisis ini berfokus kepada bagaimana pengalaman, kefahaman, dan amalan profesional ahli jawatankuasa membentuk proses pertimbangan hukum serta mempengaruhi ketepatan keputusan fatwa.

SOROTAN LITERATUR

Sorotan literatur menunjukkan bahawa cabaran pengaplikasian ijtihad kontemporari dalam institusi fatwa bukan lagi bersifat terasing, sebaliknya membentuk pola sistemik yang melibatkan aspek kompetensi, keupayaan menilai maklumat, serta kekangan metodologi. Walaupun banyak kajian membincangkan cabaran ini secara umum, namun sebahagian besar daripadanya masih bergerak pada aras konseptual dan belum disokong oleh pengalaman sebenar mereka yang terlibat di lapangan.

Dari sudut kompetensi, beberapa kajian menunjukkan bahawa institusi fatwa masih sangat terikat dengan kerangka fiqh tradisional dan kurang terdedah kepada disiplin kontemporari yang semakin dominan dalam isu-isu semasa seperti ekonomi digital, teknologi, dan bioetika (Rosidi, 2024). Kekurangan pendedahan ini menyebabkan keupayaan respons terhadap isu baharu menjadi terbatas, terutamanya apabila mufti dan ahli jawatankuasa tidak menerima latihan multidisiplin yang sistematik. Keperluan memperkukuh modal insan melalui latihan berterusan telah ditekankan secara

konsisten oleh Kamali (2016), Mahmud Zuhudi et al. (2021), Ahmed (2024) dan Kausar et al. (2024), yang kesemuanya menyimpulkan bahawa tanpa pengukuhan kompetensi, institusi fatwa berisiko terus bergantung kepada bentuk istinbat tradisional yang semakin sukar menjawab realiti kompleks semasa. Walau bagaimanapun, dapatan-dapatan ini kekal pada aras normatif dan tidak memperincikan bagaimana keterbatasan kompetensi tersebut benar-benar dialami dalam amalan institusi. Dalam kerangka ini juga, kajian Ab Razak dan Ismail (2022), tentang "fatwa langsung" menunjukkan bahawa peruntukan undang-undang di negeri tertentu mengiktiraf kuasa mufti untuk mengeluarkan fatwa tanpa konsultasi jawatankuasa apabila wujud keperluan. Ini secara implisit meningkatkan tekanan kelajuan respons serta mengurangkan ruang semakan kolektif. Keadaan ini sekali gus menegaskan kepentingan mekanisme disiplin dalaman yang lebih kukuh bagi memastikan ketelitian *istidlal* dapat dikekalkan walaupun dalam situasi yang memerlukan keputusan pantas (Ab Razak & Ismail, 2022).

Aspek kedua yang semakin mendapat perhatian ialah cabaran berkaitan autoriti maklumat dan ruang digital. Fenomena kemunculan 'ulama segera' di media sosial serta penyebaran pandangan agama tanpa autoriti ilmiah telah dikenal pasti sebagai faktor yang melemahkan kredibiliti institusi fatwa (Ab Rahman et al., 2020; Weimann, 2011). Namun, pada masa yang sama, kajian Rosidi et al. (2021b) menunjukkan bahawa institusi fatwa sendiri masih belum membangunkan strategi digital yang mantap untuk menyaingi dominasi ruang maya tersebut. Perkembangan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan turut menimbulkan kebimbangan tentang kemungkinan marginalisasi peranan ulama sekiranya teknologi digunakan tanpa kawalan epistemik yang jelas (Ab Rahim et al., 2025). Walaupun terdapat contoh positif seperti strategi komunikasi digital Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (Nazman & Khairuldin, 2022), kajian ini lebih menilai aspek penyampaian, bukan keupayaan dalaman institusi. Ini menunjukkan bahawa persoalan utama bukan sekadar penggunaan teknologi, tetapi tahap keupayaan aktor institusi menilai, menapis dan mengawal kebolehpercayaan maklumat digital.

Dalam kerangka yang sama, Jaapar et al. (2022) membincangkan prinsip Syariah dalam pengiklanan atas talian semasa pandemik serta menekankan isu *fraudulent information* dan pelanggaran etika digital. Sehubungan itu, kajian ini menuntut kapasiti penilaian maklumat secara kritikal yang berasaskan prinsip kebenaran (*al-Ṣidq*), kesederhanaan (*al-Wasaṭiyyah*) dan akauntabiliti (*al-Mas'ūliyyah*). Dapatan ini seterusnya mengisyaratkan bahawa literasi menapis serta mengawal kebolehpercayaan maklumat digital kini menjadi komponen kompetensi epistemik yang tidak boleh dipinggirkan dalam kerja-kerja hukum kontemporari (Jaapar et al., 2022).

Cabaran ketiga berkait dengan kekangan metodologi dan budaya institusi. Banyak kajian mengenal pasti bahawa budaya taqlid serta kecenderungan berpegang kepada *qawl* muktamad mazhab Shafi'i masih dominan dalam institusi fatwa (Asni & Sulong, 2021; Rosidi, 2024). Walaupun pendekatan ini bertujuan mengekalkan kestabilan hukum, namun kebergantungan yang terlalu kuat terhadap kerangka tradisional boleh mengehadkan keupayaan institusi untuk merespons isu baharu yang memerlukan pendekatan lebih fleksibel dan rentas disiplin. Keperluan kepada ijtihad kolektif, dialog multidisiplin serta pembaharuan metodologi telah ditekankan oleh Kamali (2016) dan Ibrahim dan Ab Rahman (2021), namun cadangan tersebut masih jarang diuji dalam bentuk kajian terhadap proses sebenar perbincangan fatwa.

Secara keseluruhan, literatur menunjukkan bahawa cabaran utama institusi fatwa hari ini bukan sekadar berkaitan struktur pentadbiran, politik atau komunikasi awam semata-mata, tetapi semakin berkisar pada persoalan kompetensi dalaman aktor institusi, khususnya dalam menghadapi realiti ilmu, maklumat dan kompleksiti kontemporari. Namun demikian, kebanyakan kajian masih membincangkan cabaran-cabaran ini secara umum dan teoretikal, tanpa meneliti secara langsung pengalaman sebenar mufti dan ahli jawatankuasa fatwa sebagai pelaku utama dalam proses pemfatwaan.

Jurang ini menjadikan keperluan kepada kajian berasaskan perspektif dalaman institusi sebagai semakin mendesak. Sehingga kini, masih belum terdapat kajian yang memetakan secara mendalam bagaimana cabaran kompetensi ini dialami, ditafsir dan diurus oleh AJKF sendiri dalam konteks negeri tertentu seperti JMKNNS. Kekosongan inilah yang menjadi asas keperluan kajian ini, sekali gus membezakan kajian ini daripada sorotan literatur sedia ada.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif interpretif bagi memahami cabaran kompetensi Ahli Jawatankuasa Fatwa (AJKF) dalam pelaksanaan ijtihad kontemporari sebagaimana dialami dan ditafsirkan oleh aktor institusi sendiri (Merriam, 2009; Merriam & Tisdell, 2016). Reka bentuk kajian ialah kajian kes penerokaan dengan JMKNNS sebagai unit analisis, kerana pendekatan ini membolehkan cabaran sebenar dalam proses pemfatwaan diteliti secara mendalam dalam konteks institusi (Yin, 2018). Kajian bersifat keratan rentas dan melibatkan lima orang informan AJKF yang dipilih secara persampelan bertujuan berdasarkan pengalaman langsung dalam mesyuarat fatwa serta keterlibatan dalam proses istinbat, sehingga mencapai ketepuan makna (Creswell & Poth, 2018).

Lokasi kajian difokuskan kepada Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan kerana kekuatan kerangka perundangannya, khususnya melalui Enakmen Tarekat Tasawuf 2005 yang memberi kuasa pemantauan dan tindakan terhadap penyelewengan tarekat. Selain itu, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan (Seksyen 119) memperuntukkan pengendalian kes murtad oleh Mahkamah Syariah dengan rujukan kepada Jabatan Mufti, sekali gus membolehkan penilaian aplikasi ijtihad kontemporari dari sudut prosedur, pembuktian dan penguatkuasaan.

Data dikumpulkan melalui temu bual separa berstruktur yang difokuskan kepada pengalaman, kefahaman dan cabaran kompetensi informan dalam mengendalikan isu kontemporari, serta analisis dokumen rasmi (himpunan fatwa dan dokumen berkaitan) bagi menyokong dan mengesahkan dapatan melalui triangulasi sumber (Patton, 2014). Pendekatan ini membolehkan cabaran kompetensi dikenal pasti bukan sahaja melalui naratif informan, tetapi juga melalui pola keputusan institusi. Bagi memastikan kesahan kandungan dan kebolehpercayaan instrumen, semakan protokol temu bual telah dilakukan oleh lima orang pakar. Mereka terdiri daripada dua Profesor Madya dan tiga Pensyarah Kanan yang mempunyai kepakaran dalam fiqh, usul fiqh, ijtihad kontemporari dan isu-isu kontemporari, serta memiliki pengalaman akademik dan praktikal melebihi lima tahun.

Data dianalisis menggunakan analisis tematik berpandukan enam fasa Braun dan Clarke (2022), bagi membina tema cabaran secara induktif daripada data lapangan. Perisian ATLAS.ti 25 digunakan untuk menyokong pengekodan dan pengurusan data secara sistematik. Kualiti dapatan diperkukuh melalui strategi trustworthiness seperti triangulasi, member checking dan audit trail, bagi memastikan interpretasi tentang cabaran kompetensi benar-benar berasaskan data empirikal (Lincoln & Guba, 1985).

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini mengenal pasti tiga tema utama yang mencerminkan cabaran kompetensi AJKF dalam pelaksanaan ijtihad kontemporari di JMKNNS, iaitu (i) literasi teknologi moden, (ii) integriti data digital, dan (iii) kekangan metodologi tradisional dalam menangani kompleksiti kontemporari. Ketiga-tiga tema ini dibina melalui pola kategori yang konsisten merentas informan (Informan 1–5), sekali gus memperlihatkan persamaan dan perbezaan pengalaman serta amalan dalam proses pengeluaran fatwa. Triangulasi dokumen digunakan untuk mengukuhkan keselarasan pola dapatan serta meningkatkan tahap kebolehpercayaan analisis.

Literasi Teknologi Moden

Dapatan Tema 1 memperlihatkan bahawa literasi teknologi moden telah menjadi komponen kompetensi yang secara langsung membentuk keupayaan AJKF menanggapi isu kontemporari, namun kompetensi ini beroperasi secara tidak seimbang dalam struktur jawatankuasa. Ketakseimbangan tersebut terserlah apabila Informan 1 menjelaskan bahawa komposisi AJKF merangkumi ahli yang "senior" serta ahli yang "mahir dalam teknologi", dan kehadiran senior tetap signifikan dari sudut keilmuan serta pertimbangan walaupun bukan dalam kerangka kemahiran teknologi (Informan 1, 375–382). Pola ini diperkuat oleh Informan 2 yang menggambarkan kecenderungan sebahagian ahli untuk mengekalkan rujukan bercetak dan belum meletakkan aplikasi sebagai medium yang mencukupi: "masih bergantung dengan kitab… tak puas baca apps" (Informan 2, 213–215). Dalam bentuk yang

lebih operasional, Informan 3 menegaskan implikasi kekosongan pengetahuan moden terhadap keupayaan institusi menangani isu semasa: "Kalau mufti kosong… tak ada berkaitan ilmu yang moden dia tak tahu. Susah" (Informan 3, 164–167). Keseluruhannya, rentetan bukti ini menunjukkan jurang literasi teknologi bukan sekadar perbezaan gaya kerja, tetapi faktor kapasiti yang mempengaruhi ketepatan pembingkaian isu sebelum hujah istidlal digerakkan, sekali gus menuntut mekanisme sokongan apabila AJKF berhadapan isu yang bersifat teknikal.

Sejajar dengan jurang kompetensi tersebut, data menunjukkan AJKF mengaktifkan strategi pampasan melalui rujukan pakar luar sebagai prosedur kerja yang berulang apabila isu melibatkan dimensi moden. Informan 1 menyatakan bahawa bagi isu kontemporari, jawatankuasa akan mendapatkan nasihat atau memanggil pihak berkaitan untuk memberikan penerangan: "…kadang-kadang kalau isu itu berkaitan dengan isu modern… kadang-kadang kita minta nasihat ataupun kita akan panggil… untuk memberikan taklimat" (Informan 1, 387–392). Informan 2 mengukuhkan pola yang sama dengan pengakuan keterbatasan dalaman, namun menegaskan keperluan memanggil pakar sebagai prasyarat proses: "walaupun kita ni zero… keperluannya ialah memanggil pakar di bidang tersebut untuk membentangkan" (Informan 2, 66–68), dan mengulang bahawa "solusinya ialah memanggil pakar" sebagai jalan yang dianggap paling praktikal (Informan 2, 223–224). Dalam masa yang sama, Informan 3 menandai sempadan epistemik strategi ini dengan menegaskan bahawa input baharu tidak boleh meminggirkan disiplin turath: "Syarat-syarat ini tak boleh ditinggalkan. Disamping syarat yang baru…" (Informan 3, 181–185). Dengan itu, rujukan pakar luar dapat difahami sebagai mekanisme institusi untuk "menjambatani" kekurangan maklumat teknikal, namun keberkesanannya tetap bergantung pada keupayaan AJKF mengintegrasikan maklumat tersebut secara berdisiplin dalam kerangka fiqh.

Pada tahap yang lebih mendasar, dapatan turut memperlihatkan pertindihan tafsiran dalam kalangan informan mengenai ambang kompetensi teknikal minimum yang wajar dimiliki oleh ahli jawatankuasa. Informan 2 mengemukakan keperluan pendedahan asas teknologi sebagai komponen peningkatan kapasiti yang perlu disediakan, dengan merujuk contoh ulama yang kekal kukuh turath tetapi cekap dalam penggunaan IT: "basic dia turath tapi dia jugak cekap dalam penggunaan IT… jadi itu antara kursus… disediakan juga untuk ahli fatwa" (Informan 2, 215–217). Kesediaan terhadap pengukuhan kompetensi ini turut dinyatakan pada aras komitmen peribadi apabila Informan 2 menyebut: "Kalau benda tu diperlukan, elok saya setuju pergi" (Informan 2, 130–131). Namun, Informan 4 mengambil pendirian selektif bahawa penguasaan aspek saintifik tertentu tidak semestinya menjadi keperluan bagi ahli fatwa kerana bidang tersebut mempunyai pakar tersendiri: "Ada pun benda agak saintifik yang memang ada pakarnya tidak ada keperluan lah untuk kita tahu…" (Informan 4, 428–430), dan menegaskan lagi bahawa "Untuk menjadi yang pakar" tidak dituntut (Informan 4, 153–157). Percanggahan ini menunjukkan bahawa cabaran literasi teknologi bukan sahaja berkaitan tahap kemahiran, tetapi turut berkaitan ketiadaan kesepakatan institusi tentang standard kompetensi minimum yang perlu distandardkan dalam AJKF.

Dapatan seterusnya mengukuhkan bahawa ketidakjelasan ambang kompetensi ini berlaku dalam konteks pembangunan kapasiti yang belum terinstitusi secara berstruktur, sekali gus mengekalkan jurang literasi sebagai cabaran yang berulang. Informan 4 menyatakan bahawa latihan khusus yang berkala dan berjadual "mungkin tak ada secara khas" serta mengaitkannya dengan kekangan sumber: "Mungkin kekangan budget dan sebagainya" (Informan 4, 173–175). Penilaian ini disahkan oleh Informan 5 yang menegaskan bahawa latihan yang dianjurkan secara institusi masih tidak wujud: "untuk diadakan secara institusi tu ana rasa dia tak ada" (Informan 5, 128–129), dan turut menyatakan bahawa kewajipan latihan berkala bukan amalan lazim: "Macam setiap jawatankuasa fatwa diwajibkan pergi tiga kursus. Ana rasa tak ada lah" (Informan 5, 131–132). Dalam nada normatif profesion, Informan 3 pula menggariskan keperluan pengayaan ilmu sebagai tuntutan kompetensi: ahli fatwa "mesti seorang yang berilmu… ditambah dengan ilmu baru" (Informan 3, 186–188). Secara keseluruhan, dapatan Tema 1 menampilkan satu rantaian yang saling bertaut: jurang literasi teknologi membentuk kebergantungan kepada pakar luar, pertindihan tafsiran mengenai ambang kompetensi minimum menghalang standardisasi, manakala ketiadaan latihan berstruktur mengekalkan keadaan tersebut sebagai cabaran institusi yang berulang dalam pelaksanaan ijtihad kontemporari.

https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.3 ©Authors, 2026

Triangulasi antara data temu bual dan analisis dokumen juga menunjukkan bahawa "literasi teknologi moden" bukan sekadar konstrak konseptual, sebaliknya terzahir secara konsisten dalam teks fatwa dan rekod prosedur institusi. Dalam himpunan fatwa berkaitan muamalat dan urusan ibadah berasaskan digital, JMKNNS telah membahaskan isu yang beroperasi melalui infrastruktur elektronik yang secara langsung menuntut kefahaman teknikal untuk menetapkan syarat, sempadan operasi, dan parameter pematuhan yang tepat (JMKNNS, 2022). Penegasan terhadap disiplin verifikasi turut jelas apabila fatwa bayaran zakat fitrah melalui SMS mensyaratkan pengesahan status transaksi (contohnya makluman "berjaya atau gagal") sebagai bukti kesahan, sekali gus memperlihatkan bahawa data digital tidak dianggap memadai tanpa mekanisme semakan yang boleh diaudit (JMKNNS, 2022). Pada masa yang sama, dokumen mengenai penyebaran berita dalam media sosial menekankan keperluan semakan melalui saluran rasmi dan berautoriti sebelum perkongsian dibuat, yang menonjolkan dimensi "celik media" sebagai sebahagian daripada prasyarat epistemik dalam proses istinbat (JMKNNS, 2012). Lebih signifikan, rekod muzakarah turut memperlihatkan pengoperasian melalui penglibatan pakar merentas bidang (kewangan, teknologi, perubatan dan lain-lain), khususnya bagi isu teknikal seperti parameter perdagangan forex, yang mengesahkan bahawa institusi sendiri memformalkan rujukan pakar apabila dimensi teknikal melebihi keupayaan dalaman. Keselarasan pola dokumen ini dengan naratif temu bual memperkukuh hujah bahawa literasi teknologi merupakan cabaran kapasiti institusi yang nyata, bukan semata-mata variasi gaya kerja dalam kalangan AJKF.

Integriti Data Digital

Dapatan Tema 2 memperlihatkan bahawa penggunaan sumber digital dalam proses fatwa diterima sebagai kemudahan yang mempercepat capaian maklumat, namun penerimaan tersebut bersifat bersyarat dari sudut autoriti epistemik. Informan 1 secara jelas memposisikan teknologi sebagai instrumen yang membantu, tetapi tidak berdiri sendiri sebagai sandaran muktamad: *"…teknologi tu dia satu yang boleh membantu. Namun pada saya apa yang dah ada dalam konteks teknologi tu perlu diperkukuhkan ataupun disahkan oleh bahan ataupun kitab-kitab turath yang ada"* (Informan 1, 191–194). Pengalaman amali yang seiring turut dinyatakan oleh Informan 2, yang mengakui manfaat aplikasi dalam memudahkan kerja, tetapi pada masa yang sama menggambarkan ketidakpuasan sebahagian ahli jika rujukan terbatas pada medium digital: *"Dia tak puas baca apps… Tapi memang tak boleh kita nafikan perkara tu membantu, memudahkan kerja"* (Informan 2, 214–215). Pada tahap ini, data tidak menunjukkan penolakan terhadap teknologi; sebaliknya ia menandakan pembinaan hierarki rujukan, iaitu digital sebagai alat akses, manakala kepastian dalil ditentukan melalui disiplin pengesahan yang lebih ketat. Kerangka ini menjadi lebih signifikan apabila informan mengaitkan penggunaan data digital dengan risiko perubahan makna yang boleh berlaku secara halus tetapi membawa implikasi besar kepada ketepatan *istidlal*.

Risiko yang dimaksudkan bukan sekadar kebarangkalian kesilapan umum, tetapi ralat mikro yang berpotensi mengubah struktur makna dalil. Informan 1 menegaskan bahawa proses pemindahan kepada teknologi boleh menyebabkan unsur penting tertinggal atau berubah: "Kita tak boleh nak tinggal kitab turath tu secara tu. Sebab kadang-kadang pemindahan kepada teknologi tu kadang berlaku… unsur-unsur yang kita katakan ubah ataupun tinggal perkataan ataupun tinggal… Kadang-kadang titik pun jadi dah isunya" (Informan 1, 194–198). Kebimbangan ini dipertajam lagi apabila Informan 1 mengaitkannya dengan fenomena distorsi teks yang lebih luas, sehingga teknologi tidak boleh menggantikan sumber asal semata-mata kerana kemudahan: "…kita tak boleh meninggalkan kitab-kitab turath yang telah ada tu semata-mata kerana ada kemudahan teknologi… Sebab hari ini pun kita tengok banyak berlaku tahrif dan sebagainya terhadap kitab" (Informan 1, 201–204). Pada masa yang sama, pengakuan Informan 2 bahawa aplikasi "membantu, memudahkan kerja" tetapi tetap tidak memadai sebagai titik akhir rujukan (Informan 2, 214–215) menunjukkan bahawa isu utama bukan utiliti digital, tetapi kebolehpercayaan kandungan yang dibawa oleh medium tersebut. Dengan kata lain, cabaran kedua bertumpu pada persoalan integriti data: sejauh mana maklumat digital boleh diyakini tanpa menjejaskan ketelitian proses istinbat.

Sehubungan itu, dapatan menunjukkan verifikasi manual berfungsi sebagai protokol epistemik yang menstrukturkan hubungan antara sumber digital dan sumber autoritatif. Informan 1 menegaskan semula prinsip bahawa teknologi hanya "membantu" dan mesti ditundukkan kepada mekanisme

pengesahan turath: "…apa yang dah ada dalam konteks teknologi tu perlu diperkukuhkan ataupun disahkan oleh bahan ataupun kitab-kitab turath yang ada" (Informan 1, 191–194). Keperluan verifikasi ini menjadi lebih jelas apabila risiko kesilapan mikro seperti hilang perkataan atau perubahan titik diangkat sebagai isu yang boleh mengubah implikasi hukum: "Kadang-kadang titik pun jadi dah isunya" (Informan 1, 194–198). Dalam kerangka yang sama, amaran tentang "tahrif" mengukuhkan lagi rasional kenapa rujukan digital tidak boleh dianggap sebagai autoritatif tanpa semakan silang dengan sumber yang diiktiraf (Informan 1, 201–204). Maka, Tema 2 memperlihatkan bahawa cabaran integriti data digital bukan sekadar cabaran teknikal, tetapi cabaran epistemik yang membentuk tatacara kerja AJKF: teknologi dimanfaatkan untuk akses dan kelajuan, namun kepastian dalil dipertahankan melalui hierarki autoriti rujukan dan disiplin verifikasi manual yang berterusan.

Triangulasi dokumen bagi tema 2 juga memperlihatkan bahawa kebimbangan informan tentang integriti data digital mempunyai padanan yang jelas dalam teks fatwa dan garis panduan institusi, sekali gus menunjukkan isu ini beroperasi sebagai prinsip kawalan epistemik, bukan isu utiliti teknologi. Dokumen berkaitan hukum penyebaran berita dalam media sosial menekankan keperluan menyemak maklumat melalui saluran rasmi dan berautoriti sebelum disebarkan (JMKNNS, 2012), yang pada asasnya berfungsi sebagai mekanisme "penapisan sumber" bagi mengekang ketirisan maklumat tidak sahih dalam proses istinbat. Selain daripada itu, dokumen analisis turut menegaskan risiko ralat mikro dalam pemindahan teks kepada medium digital serta mengaitkannya dengan kebimbangan tahrif terhadap kandungan kitab, yang mengukuhkan rasional keperluan semakan silang dengan sumber autoritatif (JMKNNS, 2012). Manakala dalam urusan ibadah berasaskan teknologi, fatwa bayaran zakat fitrah melalui SMS mensyaratkan penerimaan makluman transaksi yang jelas ("berjaya atau gagal") sebagai indikator kesahan, sekali gus menzahirkan bahawa data digital hanya diterima apabila wujud bukti pengesahan yang boleh ditelusuri (JMKNNS, 2012). Dalam fatwa parameter perdagangan forex individu melalui platform elektronik, justifikasi larangan dirangka berasaskan ketidaktentuan transaksi yang sukar dipastikan kesahihannya, yang menunjukkan "ketidakbolehauditan" data digital dinilai sebagai faktor yang menjejaskan asas keabsahan hukum (JMKNNS, 2012).

Kekangan Metodologi Tradisional Dalam Menangani Kompleksiti Kontemporari

Dapatan tema 3 menunjukkan bahawa kaedah tradisional yang menjadi asas kerja fatwa masih kekal penting untuk menjaga ketelitian hujah dan disiplin *istidlal*, namun dalam masa yang sama berhadapan tekanan berterusan apabila isu semasa semakin kompleks, melibatkan pelbagai bidang, dan berubah dengan pantas. Cabaran ini tidak bermaksud kaedah tradisional ditolak, tetapi menunjukkan keperluan tambahan dari segi masa, maklumat, dan kefahaman konteks baharu sebelum keputusan dapat dimuktamadkan. Informan 4 menyatakan bahawa isu tertentu boleh menjadi cabaran kerana memerlukan masa untuk mendapatkan maklumat tambahan: *"Namun ada kalanya benda tu menjadi… cabaran. Kita perlukan masa untuk mendapat maklumat yang lain"* (Informan 4, 408–411). Dapatan ini disokong oleh Informan 5 yang menegaskan bahawa isu baharu sentiasa muncul dan tidak terhad pada muamalat, malah merangkumi ibadat: *"Dia bukan sebagai penghalang lah tapi salah satu cabaran lah… sebab dia tak pernah berhenti lah… benda baru ni sentiasa ada… even dalam bab ibadat pun banyak benda-benda baru kan"* (Informan 5, 309–312). Dalam masa yang sama, Informan 3 mengaitkan cabaran ini dengan batas kemampuan manusia, iaitu tidak semua bidang ilmu boleh dikuasai: *"Kita ni manusia, tak semua bidang ilmu kita boleh kuasai"* (Informan 3, 409–412). Rentetan ini menunjukkan bahawa cabaran utama pada tahap awal ialah keperluan masa dan keluasan maklumat untuk memahami isu baharu sebelum proses istinbat boleh berjalan dengan teratur.

Dalam keadaan isu semakin rumit, dapatan turut menunjukkan bahawa AJKF masih banyak bergantung kepada sumber klasik dan tradisional sebagai rujukan utama ketika membina hujah. Informan 2 menyatakan dengan jelas bahawa sebahagian ahli masih bergantung pada kitab dan tidak berpuas hati jika rujukan hanya melalui aplikasi: *"Kita masih ada jugak kalangan ahli fatwa yang bergantung dengan kitab. Dia tak puas baca apps…"* (Informan 2, 213–214). Pada masa yang sama, Informan 1 menegaskan bahawa kemudahan teknologi tidak boleh dijadikan alasan untuk meninggalkan turath kerana ralat kecil seperti hilang perkataan atau perubahan titik boleh mengubah makna: *"Kita tak boleh nak tinggal kitab turath tu secara tu… Kadang-kadang titik pun jadi dah*

isunya" (Informan 1, 194–198). Informan 1 juga menegaskan teknologi hanya membantu, tetapi tetap perlu disahkan semula melalui kitab: *"…teknologi tu dia satu yang boleh membantu. Namun… perlu diperkukuhkan ataupun disahkan oleh… kitab-kitab turath"* (Informan 1, 191–194). Bagi memastikan disiplin ini kekal terpelihara, Informan 3 menegaskan bahawa syarat turath tidak boleh diketepikan walaupun wujud keperluan baharu pada zaman semasa: *"Syarat-syarat ini tak boleh ditinggalkan. Disamping syarat yang baru…"* (Informan 3, 181–185). Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan kebergantungan kepada sumber tradisional membantu mengekalkan ketelitian, tetapi pada masa yang sama boleh menambah keperluan masa dan proses semakan apabila isu baharu memerlukan maklumat teknikal yang lebih terperinci.

Dapatan seterusnya memperlihatkan bahawa cabaran metodologi tradisional dalam isu kontemporari juga berkait rapat dengan had penguasaan pelbagai bidang dan pembahagian peranan antara AJKF dengan pakar. Informan 3 menegaskan bahawa keterbatasan ini bersifat semula jadi: *"tak semua bidang ilmu kita boleh kuasai"* (Informan 3, 409–412). Informan 5 menguatkan dapatan tersebut pada aras institusi apabila menyatakan bahawa AJKF tidak mampu menguasai semua bidang: *"AJK fatwa sendiri takkan mampu nak kuasai semua bidang"* (Informan 5, 352–353), dan mengakui keterbatasan khusus berkaitan teknologi: *"Kita pun tak faham teknologi tu"* (Informan 5, 204–205). Dalam nada yang menonjolkan pembahagian peranan, Informan 4 menyatakan bahawa perkara yang saintifik mempunyai pakar tersendiri dan tidak semestinya perlu diketahui secara mendalam oleh ahli fatwa: *"Ada pun benda agak saintifik yang memang ada pakarnya tidak ada keperluan lah untuk kita tahu…"* (Informan 4, 428–430). Secara keseluruhan, Tema 3 menunjukkan bahawa cabaran kaedah tradisional bukan kerana kaedah itu tidak tepat, tetapi kerana isu moden memerlukan maklumat pelbagai bidang yang sukar dikuasai sepenuhnya oleh AJKF; oleh itu, pandangan pakar sering diperlukan, namun penilaian akhir tetap dibuat dalam kerangka syarak dan rujukan muktabar.

Analisis dokumen menunjukkan bahawa perbahasan fatwa melibatkan spektrum disiplin yang sangat luas sehingga memerlukan penglibatan langsung pakar bidang dalam sesi perbincangan, seperti dalam muzakarah berkaitan forex, perkahwinan kanak-kanak, pelupusan tisu dan janin, bank susu, pemerdagangan orang dan penentuan nasab, yang secara langsung menzahirkan bahawa pembinaan tasawwur isu tidak lagi dapat disandarkan kepada rujukan turath semata-mata tanpa sokongan data dan kepakaran silang bidang (JMKNNS, 2022). Keperluan ini diperkukuh melalui peranan formal panel penyelidik fatwa yang direkodkan menyediakan kajian lapangan, kajian saintifik dan data terkini sebelum sesuatu keputusan dibuat, sekali gus membuktikan bahawa proses fatwa memerlukan fasa penyediaan maklumat yang lebih panjang dan kompleks berbanding kerangka tradisional yang berasaskan teks semata-mata. Malah, dokumen turut menggambarkan bahawa keputusan boleh ditangguhkan atau diperhalusi apabila maklumat belum mencukupi, khususnya dalam isu yang melibatkan penyelarasan antara keputusan kebangsaan dan pelaksanaan negeri serta interaksi dengan agensi rentas bidang seperti KWSP, Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti, yang menuntut ketelitian tambahan sebelum rumusan hukum dimuktamadkan (JMKNNS, 2022). Secara keseluruhan, dokumen merumuskan bahawa setiap fatwa menuntut tasawwur yang menyeluruh, input pakar dan pertimbangan teknikal yang melangkaui kerangka fiqh tradisional semata-mata, sekali gus mengukuhkan dapatan temu bual bahawa cabaran metodologi tradisional bukan terletak pada kelemahan kaedah, tetapi pada realiti kompleksiti isu semasa yang menuntut peluasan proses epistemik sebelum istinbat dapat dilaksanakan dengan berdisiplin.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa cabaran utama dalam pelaksanaan ijtihad kontemporari di JMKNNS tidak hanya berpunca daripada kelemahan kefahaman teori atau penolakan terhadap pembaharuan hukum, sebaliknya turut berpunca daripada ketiadaan struktur institusi yang membangunkan dan mengawal kompetensi pelaksana ijtihad secara sistematik. Penemuan ini signifikan kerana ia mengalihkan fokus perbincangan daripada isu normatif kepada isu keupayaan operasional institusi, sekali gus membuka ruang analisis baharu dalam memahami realiti amalan fatwa kontemporari.

Dapatan menunjukkan bahawa AJKF memahami dan menerima prinsip-prinsip utama ijtihad kontemporari seperti pertimbangan *maqāṣid*, kesedaran terhadap realiti semasa, keperluan ijtihad kolektif serta integrasi pelbagai kepakaran. Keselarasan ini sejajar dengan gagasan al-Qaraḍāwī (1996), al-Qaradāghī (2017), al-Raysūni (2016), Bayyah (2018), al-Zuhaylī (1997) dan al-Būṭī (2012) yang menekankan keseimbangan antara *turath* dan realiti. Namun demikian, dapatan juga memperlihatkan bahawa pengamalan prinsip-prinsip tersebut berlaku secara tidak sekata, bergantung kepada kekuatan individu, dan tidak disokong oleh mekanisme pembangunan kompetensi yang formal di peringkat organisasi. Keadaan ini mewujudkan jurang antara kefahaman dengan keupayaan institusi untuk mengekalkannya secara konsisten.

Penemuan ini memperluas perbincangan dalam literatur sedia ada. Kamali (2016) dan Mahmud Zuhudi et al. (2021) menekankan keperluan pembaharuan epistemologi dan pembangunan modal insan, namun dapatan kajian ini menunjukkan bahawa isu yang lebih kritikal ialah ketiadaan reka bentuk sistem kerja ijtihad yang menjadikan kompetensi sebagai prasyarat institusi, bukan sekadar kelebihan peribadi. Dengan kata lain, cabaran sebenar bukan sekadar ketidak upayaan individu, tetapi kerana institusi tidak menyediakan struktur yang memastikan keupayaan tersebut dibangunkan, diseragamkan dan dipelihara secara berterusan.

Isu literasi teknologi memperlihatkan dimensi cabaran kompetensi yang lebih jelas. Para informan menunjukkan sikap berhati-hati terhadap penggunaan sumber digital kerana kebimbangan terhadap ketepatan data dan kemungkinan *tahrif*. Sikap ini mencerminkan integriti ilmiah yang tinggi, namun pada masa yang sama menzahirkan realiti bahawa tiada garis panduan institusi yang membimbing penggunaan teknologi secara metodologikal dalam kerja fatwa. Dapatan ini menyokong kebimbangan Ab Rahman et al. (2020) dan Weimann (2011) tentang cabaran autoriti dalam ruang digital, tetapi kajian ini menambah satu dimensi baharu dengan menunjukkan bahawa masalah sebenar bukan teknologi, tetapi ketiadaan struktur kompetensi yang membolehkan teknologi dimanfaatkan secara terkawal dan berdisiplin dalam proses ijtihad.

Keadaan yang sama dapat dilihat dalam kecenderungan sebahagian AJKF untuk kekal bergantung sepenuhnya kepada pendekatan tradisional dan kurang terlibat secara langsung dengan data teknikal atau saintifik. Walaupun literatur sering mentafsirkannya sebagai sikap konservatif (Asni & Sulong, 2021), dapatan kajian ini menunjukkan bahawa sikap tersebut lebih tepat difahami sebagai ketidakyakinan epistemik akibat ketiadaan latihan dan sokongan institusi yang mencukupi. Hal ini mengukuhkan pandangan bahawa integrasi antara ilmu syariah dan ilmu moden tidak akan berlaku secara semula jadi, sebaliknya memerlukan pembangunan kompetensi yang dirancang secara sedar oleh organisasi.

Dapatan turut menunjukkan bahawa kelemahan dokumentasi fatwa, ketidakseragaman prosedur, serta kelewatan penyelarasan antara agensi bukanlah masalah terpencil, tetapi merupakan simptom kepada ketiadaan sistem kerja yang tersusun. Ketidakseragaman justifikasi *maqāṣid*, misalnya, bukan kerana *maqāṣid* diabaikan, tetapi kerana tiada format piawai yang diwajibkan dalam proses pendokumentasian. Ini menunjukkan bahawa cabaran struktur bukan punca utama, sebaliknya kesan langsung daripada ketiadaan reka bentuk operasional ijtihad yang jelas.

Dalam konteks autoriti institusi, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa cabaran era digital bukan sekadar kemunculan *"ulama segera"* atau kandungan media sosial, tetapi berkait rapat dengan tahap kredibiliti yang dizahirkan oleh institusi itu sendiri. Kredibiliti kini dinilai melalui kejelasan proses, ketelusan hujah dan profesionalisme kerja. Inisiatif JMKNNS seperti program bimbingan fatwa dan kesedaran terhadap penggunaan teknologi menunjukkan keprihatinan terhadap isu ini, namun dapatan menunjukkan bahawa usaha tersebut masih bersifat terpisah dan belum diinstitusikan dalam satu kerangka kerja yang menyeluruh.

Secara keseluruhan, perbincangan dapatan ini membawa kepada rumusan: pelaksanaan ijtihad kontemporari di JMKNNS telah mencapai tahap kematangan konseptual, tetapi belum mencapai tahap kematangan sistemik. Prinsip-prinsip utama ijtihad kontemporari difahami dan diaplikasikan, namun pelaksanaannya belum disokong oleh struktur kompetensi, piawaian prosedur dan mekanisme kawalan kualiti yang tersusun.

https://doi.org/10.24191/jcis.v12i2.3 ©Authors, 2026

Dalam konteks inilah pembangunan Model Proses Ijtihad Berinstitusi (MPIB) menjadi signifikan. MPIB tidak dibangunkan sebagai model teoretikal yang abstrak, tetapi sebagai respons langsung kepada struktur cabaran yang dizahirkan oleh data lapangan. Model ini berfungsi untuk mentransformasikan pelaksanaan ijtihad daripada amalan yang bergantung kepada individu tertentu kepada satu sistem kerja institusi yang tersusun, konsisten dan boleh diaudit secara ilmiah. Dengan kata lain, MPIB meletakkan ijtihad bukan sekadar sebagai keupayaan intelektual ulama, tetapi sebagai fungsi organisasi yang memerlukan reka bentuk sistemik.

Secara konseptual, MPIB dibina berasaskan sintesis antara kerangka ijtihad kontemporari (maqāṣid, fiqh al-wāqiʿ, wasatiyyah dan ijtihad jamāʿī) dengan realiti yang dizahirkan oleh dapatan kajian. Namun, sumbangan paling penting model ini terletak pada penambahan dua komponen baharu yang kurang diberikan fokus dalam teori ijtihad klasik mahupun kontemporari, iaitu struktur kompetensi pelaksana ijtihad dan *dawābit* operasional proses ijtihad. Kedua-dua komponen ini lahir secara langsung daripada analisis terhadap cabaran yang dialami oleh AJKF di JMKNNS.

Isu literasi teknologi, misalnya, tidak sekadar menunjukkan perbezaan generasi atau perbezaan gaya kerja, tetapi memperlihatkan bahawa institusi tidak mempunyai piawaian yang jelas tentang tahap kecekapan minimum yang perlu dimiliki oleh ahli fatwa dalam memahami realiti kontemporari. Sebahagian AJKF menganggap penguasaan teknologi asas sebagai keperluan profesional, manakala sebahagian yang lain menganggapnya tidak perlu kerana boleh digantikan oleh pakar luar. Percanggahan ini bukan sekadar perbezaan pandangan peribadi, tetapi mencerminkan ketiadaan kerangka kompetensi institusi yang dipersetujui dan diseragamkan. MPIB mengisi kekosongan ini dengan menegaskan bahawa kompetensi bukan lagi boleh dibiarkan sebagai sifat individu, tetapi perlu didefinisikan sebagai prasyarat institusi.

Begitu juga dalam isu integriti data digital. Dapatan kajian menunjukkan bahawa AJKF berhati-hati terhadap penggunaan sumber digital kerana kebimbangan terhadap *tahrif*, kesilapan teks dan ketidakpastian autoriti sumber. Sikap ini mencerminkan integriti ilmiah yang tinggi, namun pada masa yang sama mendedahkan ketiadaan garis panduan institusi yang jelas tentang bagaimana sumber digital perlu digunakan, diverifikasi dan disepadukan dalam kerja fatwa. Akibatnya, penggunaan teknologi berlaku secara *ad hoc* dan bergantung kepada kecenderungan individu. MPIB menangani masalah ini dengan memperkenalkan keperluan kepada protokol verifikasi dalam penggunaan maklumat digital, sekali gus menjadikan teknologi bukan cabaran kepada ketelitian, tetapi instrumen yang dikawal melalui prosedur ilmiah yang jelas.

Cabaran ketiga pula berkait dengan kekangan metodologi tradisional dalam menghadapi isu-isu baharu yang semakin kompleks. Dapatan menunjukkan bahawa AJKF sedar akan keterbatasan kemampuan manusia untuk menguasai semua bidang, lalu sering bergantung kepada pakar luar dalam isu teknikal. Namun, dapatan juga menunjukkan bahawa proses integrasi input pakar ini tidak distrukturkan secara jelas: tiada format piawai bagaimana maklumat pakar dinilai, tiada mekanisme dokumentasi yang konsisten, dan tiada kerangka sistematik bagaimana pertimbangan tersebut dimasukkan ke dalam justifikasi hukum. MPIB memberi maklum balas terhadap isu ini dengan menegaskan bahawa ijtihad kontemporari perlu diurus sebagai ekosistem kolaboratif yang tersusun, bukan sekadar perbincangan bebas yang bergantung kepada dinamika mesyuarat semata-mata.

Dengan demikian, sumbangan MPIB bukan terletak pada penciptaan istilah baharu, tetapi pada anjakan paradigma terhadap cara memahami masalah ijtihad kontemporari. Kajian ini menunjukkan bahawa kelemahan pelaksanaan ijtihad tidak berpunca daripada kegagalan teori, sebaliknya berpunca daripada kelompongan yang wujud dalam institusi membina sistem yang menyokong pelaksanaan teori tersebut. Selagi ijtihad difahami sebagai urusan individu, cabaran kompetensi akan terus berulang. Sebaliknya, apabila ijtihad difahami sebagai sistem institusi, maka pembangunan kompetensi, pembinaan SOP, standardisasi prosedur dan mekanisme kawalan kualiti menjadi sebahagian daripada tuntutan profesionalisme institusi fatwa.

Di sinilah terletaknya elemen kebaruan utama kajian ini. Kajian ini tidak sekadar menambah satu lagi senarai cabaran dalam wacana fatwa, tetapi memperkenalkan satu kerangka pemahaman baharu: bahawa masalah teras ijtihad kontemporari bukan terletak pada kandungan hukum, tetapi pada reka bentuk sistem yang menguruskan penghasilan hukum tersebut. Melalui pembangunan MPIB, kajian

ini mengangkat ijtihad daripada wacana normatif kepada satu sistem profesional yang boleh dirancang, dinilai, diperbaiki dan diaudit, sejajar dengan tuntutan institusi ilmu dalam era kontemporari.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa cabaran pelaksanaan *ijtihād* kontemporari di JMKNNS tidak berpunca daripada penolakan prinsip, tetapi daripada kelompongan dalam penyeragaman kompetensi dan tadbir urus kerja institusi. Isu utama yang dikenal pasti ialah jurang literasi teknologi dan data, ketidakjelasan prosedur verifikasi sumber digital, serta keterbatasan kaedah tradisional apabila berdepan isu teknikal yang memerlukan input rentas disiplin. Keadaan ini menjejaskan konsistensi aplikasi kerangka *maqāṣid al-sharīʿah*, *fiqh al-wāqiʿ*, *ijtihād jamāʿī* dan pertimbangan *maʾālāt*, khususnya dari sudut prosedur, dokumentasi dan rasional penghujahan. Sehubungan itu, kajian menegaskan keperluan memposisikan *ijtihād* sebagai proses institusi melalui Model Proses *Ijtihād* Berinstitusi (MPIB) yang berfungsi sebagai mekanisme kawalan kualiti dan kebolehkesanan keputusan. Berdasarkan rumusan ini, kajian mencadangkan penetapan standard kompetensi minimum AJKF, latihan profesional berterusan, SOP verifikasi sumber digital yang jelas, protokol formal integrasi pandangan pakar, serta penyeragaman format penghujahan berasaskan *dalīl*, *maqāṣid* dan *maʾālāt*. Bagi kajian mendatang, penyelidikan wajar menilai keberkesanan MPIB melalui kajian pelaksanaan merentas negeri dengan menumpukan kepada konsistensi hujah dan kualiti dokumentasi.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada sokongan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah dan Seremban kerana menyediakan kemudahan dan sokongan untuk penyelidikan ini.

PENYATA KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa sebarang konflik kepentingan diri, komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan yang bercanggah dengan pembiaya.

SUMBANGAN PENULIS

Mohd Khir Johari Abas bertanggungjawab menjalankan penyelidikan, menyediakan draf manuskrip dan membuat semakan semula artikel. Muhammad Firdaus Abdul Manaf dan Mohd Kamel Mat Salleh bersama-sama memainkan peranan utama dalam penggagasan idea dan konsep kajian serta menyumbang kepada pembinaan kerangka teori. Ketiga-tiga penulis turut terlibat dalam semakan akhir dan telah meluluskan penyerahan artikel untuk penerbitan.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI

Kami mengakui bahawa penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam penyediaan artikel ini adalah terhad kepada tujuan mencambah idea dan membantu proses pemikiran penulis sahaja. AI tidak digunakan sebagai sumber rujukan utama dan tidak berfungsi sebagai alat untuk menjana keseluruhan kandungan artikel. Semua hujah, analisis, tafsiran dan penulisan akademik adalah hasil kerja asli penulis, yang telah disemak, dinilai dan disusun secara kritikal bagi memastikan integriti akademik dan keaslian manuskrip terpelihara.

RUJUKAN

Ab Rahim, S. F., Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., Nik Mohd Azimi, N. N. M. A., & Jailani, M. R. (2025). Artificial intelligence for fatwa issuance: Guidelines and ethical considerations.

Journal of Fatwa Management and Research, *30*(1), 76–100. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol30no1.654

Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. Á., & Ab Rahman, A. (2020). Cabaran institusi fatwa di Malaysia dalam menghadapi revolusi industri 4.0. *Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS)*, 421–447.

Ab Razak, M. R., & Ismail, A. M. (2022). The direct issuing fatwa on the distance between worshipers in congregational prayer in the Malaysian reality and the extent of its discipline concerning the consequences of actions and fatwa: Mufti Office of Kedah as an example. *Journal of Contemporary Islamic Studies, 8*(2), 195–218.

Abdullah, M. M., Othman, A. H., & Mohamad, M. F. (2024). Transformation of collateral hibah in Amanah Raya Berhad: Analysis from the Shariah perspective and its implementation in Malaysia. *IIUM Law Journal*, *32*(1), 187–232. https://doi.org/10.31436/iiumlj.v32i1.953

Ahmed, S. (2024). Fatwā and AI: A literature-based assessment on how AI impacts the role of the Muftī. *Journal for Islamic Studies*, *42*(1), 1–19. https://doi.org/10.25159/2957-9163/14400

Al-Būṭī, M. S. R. (2012). Al-ijtihād fī al-sharīʿah al-Islāmiyyah. In *Aʿmāl nadwat al-ijtihād fī al-Islām* (pp. 431–447). Wizārat al-Awqāf wa al-Shuʾūn al-Dīniyyah.

Al-Qaradāghī, ’Alī Muḥyī al-Dīn. (2017). *Al-Ijtihad wa al-fatwa: Ahamiyatuha wa shurutuha wa tatbiqatuha al-muʾasirah*. Dar Al-Bashair Al-Islamiyyah.

Al-Qaraḍāwī, Y. (1996). *Al-ijtihâd fi al-syarî’ah al-Islâmiyyah ma’ nadzarât tahlîliyyah fi al-ijtihâd al-mu’âshir [Ijtihad in Islamic Law: Analytical Perspectives on Contemporary Ijtihad]*. Dar al-Qalam.

Al-Zuhaylī, W. (1997). *Al-ijtihad al-fiqhi al-hadith*. Dar al-Maktabi.

Asni, F., & Sulong, J. (2021). The mura’ah al-khilaf and ma’alat method in fatwa decisions: Its application for fatwa coordination related to conditional hibah in Malaysia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management, 14*(4), 641–654. https://doi.org/10.1108/IMEFM-05-2018-0181

Baharudin, A. H., Mat Jusoh, Z. Y., Dimon, Z., & Abdul Halim, A. (2023). Al-ḍarūrah sebagai asas penggunaan ganja dalam perubatan. *International Conference on Syariah & Law 2023 (ICONSYAL 2023)*, *November*, 275–281.

Bayyah, A. (2018). *Ṣināʿat al-fatwā wa fiqh al-aqalliyyāt*. Al-Muwatta Centre.

Braun, V., & Clarke, V. (2022). *Thematic analysis: A practical guide*. Sage Publications.

Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). Sage Publications.

Hisan, A. H., Azman, A. R., & Abdul Manan, I. (2018). Amalan dan kaedah pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan: Analisis awal. *Journal of Fatwa Management and Research, 13*(1), 1–15.

Ibrahim, A., & Ab Rahman, A. (2021). Peranan ijtihad jama’i dalam pembentukan skim wakaf tunai di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, *23*(1), 53–70.

Ibrahim, A., & Ab Rahman, A. (2022). Methodology of ijtihad jama’i: A mechanism for contemporary fatwa issuance. *Malaysian Journal for Islamic Studies, 6*(2), 1–14.

 ©Authors, 2026

Jaapar, N., Mohamed Yusof, M. F., Muhamad, M. D., Syed Abdullah, S. F., & Abd Halim, A. H. (2022). The Shariah principles of online advertising during the pandemic of COVID-19. *Journal of Contemporary Islamic Studies, 8*(1), 1–24. https://doi.org/10.24191/jcis.v8i1.1

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2017). *Garis panduan pengeluaran fatwa di Malaysia*.

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan (JMKNNS). (2022). *Himpunan fatwa kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus*. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

Kamali, M. H. (2016). Moderation in fatwa and ijtihad. *Islam and Civilizational Renewal*, *7*(3), 303–324.

Kausar, S., Leghari, A. R., & Soomro, A. S. (2024). Analysis of the Islamic law and its compatibility with artificial intelligence as an emerging challenge of the modern world. *Annals of Human and Social Sciences, 5*(I). https://doi.org/10.35484/ahss.2024(5-i)10

Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic inquiry*. SAGE Publications.

Mahmud Zuhudi, N. A., Yaacob, S. E., & Zakaria, Z. (2021). Fatwa coordination in Malaysia: A literature review. *International Journal of Advanced Research*, *9*(06), 614–622. https://doi.org/10.21474/ijar01/13053

Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.

Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). John Wiley & Sons.

Mohd Sabri, M. N. (2024). *Metode penfatwaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak: Analisis terhadap fatwa-fatwa Negeri Perak dari tahun 2016 hingga 2019* [Tesis doktor falsafah, Universiti Sains Islam Malaysia].

Musaddad, N. A., Abu Bakar, E., Zaidan, U. H., Awang, M. D., & Mohd Safian, Y. H. (2024). Permanent makeup: A tattoo imitation procedure from the shariah perspective. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, *12*(2), 426–435. https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no2.544

Nazman, S. M., & Wan Khairuldin, W. M. K. F. (2022). Mufti's office of Federal Territory and its contribution in the dissemination of fatwas through social media. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *12*(10), 1077–1084. https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i10/15268

Patton, M. Q. (2014). *Qualitative research & evaluation methods* (4th ed.). Sage Publications.

Raihan, A. A. (2024). *Proses istinbat fatwa menggunakan maslahah dalam Enakmen Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan* [Tesis doktor falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia].

Rosidi, M. H. (2024). Fatwa institutions in Malaysia: Navigating current challenges and changes. *International Journal of Research and Innovation in Social Science, 8*(9), 2375–2385. https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.8090195

Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2021a). Penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat muslim Malaysia: Satu tinjauan literatur. *Journal of Fatwa Management and Research, 24*(1), 45–62. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol24no1.335

Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2022). Penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat muslim Malaysia: Kajian empirikal. *Journal of Fatwa Management and Research*, *27*(4), 59–81. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.458

 ©Authors, 2026

Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2021b). Pemerkasaan profesionalisme Mufti dan ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri: Analisis terhadap Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis. In *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)* (pp. 822–837).

Saifuddin, S., Mat Salleh, M. K., Ali Tajuddin, H. H., & Yahya, M. A. (2024). Kepentingan pewartaan fatwa dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia: Satu analisis. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, *33*(4), 20–31.

Wahid, S. H. (2024). Research insights on online fatwas: A comprehensive systematic literature review. *Journal of Fatwa Management and Research*, *29*(1), 23–46. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol29no1.570

Weimann, G. (2011). Cyber-fatwas and terrorism. *Studies in Conflict and Terrorism*, *34*(10), 765–781. https://doi.org/10.1080/1057610X.2011.604831

Yahya, M., & Mokhtar, A. W. (2018). Penyelarasan fatwa di antara negeri dengan persekutuan: Satu analisis sorotan terhadap penyelidikannya di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research, 11*(1), 59–76. https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol11no1.20

Yin, R. K. (2018). *Case study research and applications: Design and methods* (6th ed.). SAGE Publications.

Zainudin, S. A., Hassan, S. A., & Wan Khairuldin, W. M. K. F. (2024). Systematic literature review of the research design based on fatwa methods. *International Journal of Islamic Thought*, *25*, 136–151. https://doi.org/10.24035/ijit.25.2024.292

© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/).